

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

AFW360 – KEWANGAN KORPORAT

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH (7)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Soalan daripada Bahagian A adalah **WAJIB**. Pilih **TIGA (3)** soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A (WAJIB)

1. Andaikan bahawa kamu adalah pengarah kewangan bagi ABC Bhd, yang merupakan sebuah syarikat pembinaan utama di Malaysia. Pada awal Januari 1998, ahli-ahli lembaga pengarah yang lain meminta kamu menjelaskan beberapa isu mengenai kedudukan kewangan syarikat. Data di bawah telah diambil daripada akaun syarikat tersebut.

Kunci Kira-kira ABC Bhd seperti pada 31 Disember 1997

Aset Jangkamasa Panjang	RM' 000	
Aset Tetap	15,398	
Pelaburan Jangka Panjang	<u>2,440</u>	
		17,838
Aset Semasa		
Inventori	4,087	
Akaun Belum Terima	2,939	
Tunai	<u>290</u>	
	<u>7,316</u>	
Kurang : Liabiliti Semasa		
Akaun Belum Bayar	2,044	
Cukai Belum Bayar	1,426	
Dividen	<u>1,620</u>	
	<u>5,090</u>	
Modal Kerja Bersih		<u>2,226</u>
Aset Bersih		<u>20,064</u>
Pembiayaan oleh :		
9% bon	2,600	
Saham Biasa (RM 1.00 nilai par)	6,000	
Rezab	<u>11,464</u>	
		<u>20,064</u>

Ringkasan lima tahun keuntungan dan dividen (RM'000):

	1993	1994	1995	1996	1997
Keuntungan selepas faedah	3,474	4,180	3,880	3,732	4,358
Cukai	<u>1,146</u>	<u>1,380</u>	<u>1,280</u>	<u>1,232</u>	<u>1,438</u>
Keuntungan selepas cukai	<u>2,328</u>	<u>2,800</u>	<u>2,600</u>	<u>2,500</u>	<u>2,920</u>
Dividen kasar	1,240	1,360	1,120	1,020	1,620

Nilai pasaran saham biasa ABC Bhd ialah RM2.97 sesaham dividen terkumpul (cum dividend). Dividen tahunan 1997 akan dibayar tidak berapa lama lagi. Nilai pasaran semasa bon ialah RM 0.93 dan faedah tahunannya baru sahaja dibayar. Bon ini akan ditebus balik pada nilai par pada Disember 2006. Tidak terdapat penerbitan atau penebusan saham biasa bagi tempoh lima tahun yang lepas. Kadar semasa cukai syarikat ialah 33% dan berada pada tahap yang sama bagi lima tahun yang lepas.

Kamu dikehendaki untuk menyediakan jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Encik A, Encik B, dan Encik C yang merupakan ahli lembaga pengarah Syarikat ABC Bhd. (Ingat, mereka adalah bijak dan merupakan pakar teknikal yang cekap tetapi tidak begitu berpengalaman di dalam amalan teori kewangan).

- (a) (i) Encik A ingin mengetahui kenapa bon dijual lebih rendah daripada nilai muka RM1.00. Jelaskan.
- (ii) Kirakan hasil hingga matang (YTM) bagi bon tersebut.

[6 markah]

- (b) Encik B ingin mengetahui berapa banyakkah dividen yang akan dia perolehi bagi 100,000 saham yang dimiliki dalam ABC Bhd. Kirakan jumlah yang dia akan terima dalam cek dividennya. Sekiranya kadar cukai marginal bagi Encik B ialah 20%, apakah hasil dividen selepas cukai berkesannya ?

[4 markah]

- (c) Mengapakah adalah pentingnya bagi syarikat seperti ABC Bhd menentukan kos modalnya ?

[3 markah]

AFW360

- (d) Dengan menggunakan data yang disediakan, anggarkan kos modal bagi ABC Bhd. Nyatakan andaian-andaian kamu.

[10 markah]

- (e) Bincangkan secara ringkas had-had perhitungan yang kamu buat dalam (d).

[3 markah]

- (f) Katakanlah syarikat sedang pertimbangkan projek baru yang lebih berisiko daripada projek pembinaan yang sedia ada. Bagaimanakah ABC Bhd boleh mengambilkira risiko dalam keputusan belanjawan modalnya ?

[4 markah]

- (g) Dengan menggunakan teori-teori struktur modal, beri ulasan mengenai kesesuaian struktur modal syarikat ini.

[10 markah]

Bahagian B

Jawab TIGA (3) soalan.

- 2 (a) “Oleh kerana kesilapan yang berlaku dalam proses anggaran beta adalah begitu besar, tidak salahnya jika kita menganggap bahawa semua beta adalah 1.0”.

- (i) Bincangkan secara ringkas pelbagai sumber kesilapan dalam penganggaran beta.

[4 markah]

- (ii) Adakah anda bersetuju dengan kenyataan di atas? Kenapa atau kenapa tidak?

[4 markah]

- (b) Sebagai timbalan presiden kewangan, kamu sedang menilai potensi projek baru yang mempunyai data hasil sebenar, kos operasi, dan susutnilai dinyatakan dalam ringgit tetap tahun 0.

<u>Tahun</u>	<u>Hasil</u>	<u>Kos</u>	<u>Susutnilai</u>
0	\$0	\$90,000	\$0
1	40,000	10,000	30,000
2	40,000	10,000	30,000
3	40,000	10,000	30,000

Kos modal firma adalah 14% termasuk premium inflasi semasa. Disebabkan oleh inflasi, kos sebenar dianggarkan meningkat sebanyak 10% setahun bagi tempoh usia projek, sementara hasil pula akan meningkat hanya 5% setahun. Kadar cukai marginal syarikat ialah 30%. Kamu boleh anggapkan cukai dibayar pada tahun yang sama ianya berlaku. Projek ini tidak mempunyai nilai sisaan dan tidak memerlukan perubahan di dalam modal kerja bersih. Apakah nilai semasa bersih (NPV) projek?

[12 markah]

3. (a) Bezakan di antara risiko perniagaan dengan risiko kewangan.

[4 markah]

- (b) Angin Lama Berhad (ALB) telah beroperasi selama beberapa tahun. Beta pasarannya ialah 2.0, nilai pasaran struktur modalnya ialah 80% hutang, dan kadar cukai syarikat ialah 50%. Kadar bebas risiko ialah 10% dan kadar pulangan perlu ke atas pasaran adalah 15%.

- (i) Tentukan beta aset ALB.
- (ii) Berapakah premium risiko perniagaan ALB?
- (iii) Berapakah premium risiko kewangan ALB?

[6 markah]

AFW360

- (c) Puan Aminah adalah pengurus urusan CD Bhd dan beliau sedang pertimbangkan pelaburan dalam projek baru yang dianggarkan oleh pengarah kewangan Encik Daud sebagai mempunyai nilai semasa bersih positif apabila didiskaunkan pada purata wajaran kos modal. Projek ini dijangkakan mempunyai tahap risiko perniagaan yang sama seperti syarikat keseluruhannya. Aliran tunai bagi projek ini adalah negatif bagi tiga tahun yang pertama; mulai dari tahun keempat sahaja aliran tunai dijangka menjadi positif.

Memandangkan kesan projek ke atas kewangan syarikat, Puan Aminah terfikir untuk mengurangkan jumlah dividen dari RM0.25 kepada RM0.05 sesaham bagi mengekalkan tunai. Beliau juga mencadangkan bahawa syarikat menerbitkan saham bonus. Sebelum ini pertumbuhan dividen adalah sebanyak 4% setahun bagi lima tahun yang lepas, dan penganalisa pelaburan mengjangkakan kadar pertumbuhan yang sama bagi tahun ini.

Dikehendaki:

- (i) Bezakan di antara tiga teori dividen yang berlainan.

[6 markah]

- (ii) Pada fikiran kamu bagaimana cadangan penerbitan bonus dan pengurangan dividen akan mempengaruhi harga saham CD Bhd? Jelaskan.

[4 markah]

4. (a) Di dalam teori kewangan korporat, andaian selalu dibuat bahawa pasaran saham antarabangsa utama adalah berbentuk cekap separa-kukuh (semi-strong efficient).

- (i) Jelaskan andaian ini.

- (ii) Apakah implikasinya kepada pengurus-pengurus kewangan?

[6 markah]

- (b) "Pempelbagaian mengurangkan risiko. Oleh kerana itu syarikat mesti memilih pelaburan modal yang berkorelasi rendah dengan jenis perniagaan yang ada sekarang". Benar atau salah? Kenapa?

[4 markah]

...6/-

- (c) Bincangkan faktor-faktor yang akan mempengaruhi harga opsi panggilan.

[7 markah]

- (d) Data berikut adalah bagi Syarikat Bioteks Bhd:

Harga saham semasa	\$25
Harga guna hak opsi	\$45
Harga opsi panggilan	\$6

Lakarkan rajah ganjaran bagi opsi panggilan.

[3 markah]

5. (a) Maklumat berikut adalah untuk Bungee Jump Ltd:

<u>Projek</u>	<u>Kos</u>	<u>IRR</u>
A	\$100,000	18%
B	80,000	16%
C	50,000	15%

Kos modal sut (MCC) syarikat adalah seperti berikut:

<u>Modal Baru</u>	<u>Kos sut</u>
\$0 - \$200,000	14.2%
Melebihi \$200,000	15.4%

Apakah belanjawan modal optimal bagi syarikat ini?

[8 markah]

- (b) Pengurus kamu meminta kamu menilai polisi syarikat bagi mengambilkira ketidakpastian di dalam belanjawan modal. Nilai cadangan-cadangan berikut:

- (i) Semua projek yang pada asasnya berada dalam perniagaan biasa firma dan kosnya di bawah \$100,000 akan dinilai menggunakan “jangkaan” aliran tunai dan kos modal firma.
- (ii) Semua projek yang berbeza dari perniagaan biasa firma akan dinilai menggunakan “jangkaan” aliran tunai dan kadar diskaun 4% lebih tinggi dari kos modal (iaitu sekiranya kos modal adalah 11%, projek seperti ini akan dinilai pada 15%).

- (iii) Semua projek yang melebihi \$100,000 akan dinilai pada kadar diskaun 2% point lebih tinggi daripada kos modal. Lain-lain projek akan dinilai pada kos modal.
- (iv) Semua projek yang berada dalam perniagaan biasa syarikat akan dinilai pada kos modal firma. Projek yang melebihi \$100,000 akan dikaji oleh lembaga pengarah.

[12 markah]

---ooo000ooo---